

28 NOV 2001

SULTAN MIZAN HADIRI MAJLIS BERBUKA PUASA DAN TAHLIL

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nur Zahirah menghadiri majlis berbuka puasa dan tahlil untuk Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara, di sini malam ini.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dan kerabat diraja Selangor.

Hadir sama ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, menteri-menteri kabinet dan para kenamaan lain.

Selepas majlis berbuka puasa, para hadirin menunaikan solat Maghrib berjemaah disusuli dengan majlis tahlil.

Majlis tahlil itu diketuai oleh pegawai agama Istana Negara Datuk Abu Hassam Din Al-Hafiz.

Para hadirin kemudiannya mengerjakan solat sunat Tarawih.

-- BERNAMA

FA AFY RON